

PERTANDINGAN MENCINTA LOGO SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (1994-2019)

1. Syarat dan Terma Pertandingan

- 1.1 Pertandingan ini adalah terbuka kepada **semua warganegara MALAYSIA**. Warga kerja MBJB adalah **tidak dibenarkan** untuk menyertai pertandingan ini.
- 1.2 Semua ciptaan mestilah **asli** dan tidak diceduk / ditiru / diciplak dari mana-mana logo tempatan mahu pun dari luar negara. (panel penilai / urus setia berhak menolak penyertaan sekiranya didapati tidak asli)
- 1.3 Semua logo dan slogan yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan (MBJB) adalah menjadi hak milik MBJB dan tidak akan dikembalikan. MBJB berhak meminda atau mengubah suai logo dan slogan yang yang terpilih bagi maksud untuk digunakan, dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara, majlis dan bahan promosi lain yang difikirkan wajar.
- 1.4 Setiap individu hanya dibenarkan untuk menyertai **HANYA SATU** sahaja penyertaan bagi pertandingan logo dan slogan.

2. Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- 2.1 Reka bentuk mestilah baharu, asli dan dihasilkan sendiri serta tidak menceduk mana-mana logo yang dikenali masyarakat. (panel penilai / urus setia berhak menolak penyertaan sekiranya didapati tidak asli)
- 2.2 Reka bentuk logo hendaklah tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.
- 2.3 Rekacipta logo hendaklah melambangkan dan menepati tujuan **SAMBUTAN JUBLI PERAK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (1994-2019)**
- 2.4 Rekabentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas serta penggunaan warna tidak melebihi 4 warna.
- 2.5 Reka bentuk hendaklah dihasilkan di atas kertas bersaiz A4 berwarna putih secara komputer grafik
- 2.6 Logo & simbol hendaklah menggambarkan identiti dan imej korporat MBJB serta memberi gambaran grafik yang berkesan kepada kumpulan yang akan dijalankan
- 2.7 Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan dalam rekaan yang dihantar kepada urusetia

3. Dokumen Permohonan Penyertaan

3.1 Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki menyediakan **dua (2) salinan** dokumen seperti berikut :

- I. Borang Penyertaan
- II. Reka bentuk logo / *Design Logo* beserta penerangan
- III. Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *hardcopy* di *alamat* :

**BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM
PETI SURAT 232, JALAN DATO' ONN,
80720, JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM.**

dan *softcopy* (dalam format JPEG atau apa-apa format yang boleh diubah suai dan disalin di dalam CD) ke alamat email :

penerbitan.mbjb@gmail.com

4. Tempoh Penyertaan

4.1 Penyertaan dibuka dari **31 Julai 2018 (Selasa)** sehingga **30 Ogos 2018 (Khamis)**.

5. Tarikh Tutup Penyertaan.

5.1 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30 Ogos 2018** pada jam **3.00 petang**. Sebarang penyertaan selepas daripada tarikh dan waktu tersebut adalah tidak dilayan.

6. Metodologi Penilaian

6.1 Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima dari peserta yang menyertai pertandingan ini.

6.2 Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap *layout / design* logo dihantar kepada Urus Setia Pertandingan.

7. Pemenang dan hadiah Pertandingan

- 7.1 Hanya satu reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini.

Hadiah Utama Logo

Wang Tunai Berjumlah RM 2000 dan Sijil Penyertaan

8. Panel Penilai

- 8.1 Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
- 8.2 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai.
- 8.3 Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- 8.4 Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo dan slogan yang terpilih sekiranya perlu.
- 8.5 Logo dan slogan yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi **HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**.

PERTANDINGAN LOGO

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (1994-2019)

A. BUTIRAN PESERTA

Nama :

Alamat :

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon Bimbit :

No. Telefon Pejabat :

Emel :

Jumlah Penyertaan :

B. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya (sepertimana butiran di atas) mengakui bahawa idea, konsep dan reka bentuk logo yang dihantar kepada pihak MBJB bagi maksud menyertai pertandingan **MENCIPTA LOGO SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (1994-2019)** adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan penganjur dan akan bertanggjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo.

Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sepenuhnya bagi digunakan dalam apa jua cara dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :

(Borang penyertaan hendaklah dilampirkan bersama hasil karya logo dan tema)